

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB RAJA DATO' KAMARUL  
BAHRIN SHAH  
(KUALA TERENGGANU)**

**TARIKH : 23.5.2016  
(!SNIN)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan memandangkan banyak persengketaan tuntutan kawasan di Laut China Selatan, apakah perancangan Kerajaan untuk menambah kekuatan ketenteraan negara keseluruhannya dan apakah peratusan komposisi mengikut bangsa Melayu, Cina dan India di dalam angkatan tentera Malaysia hari ini.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan sentiasa peka kepada keperluan untuk menambah kekuatan ketenteraan negara. Justeru, selaras dengan Dasar Pertahanan Negara (DPN) dan Strategi Ketenteraan Negara (SKN), dasar pembangunan keupayaan dan kekuatan ATM adalah berlandaskan kepada pendekatan berasaskan Keupayaan (Capability Based) dan bukannya berasaskan Ancaman (Threat Based).

Usaha untuk menambah kekuatan ketenteraan negara indirealisasikan melalui Rancangan Pembangunan Keupayaan ATM yang telah digariskan melalui Pelan Pembangunan Keupayaan Dimensi Keempat ATM atau dikenali sebagai *Fourth Dimension of Malaysian Armed Forces* (4DMAF). Pelan ini merupakan *roadmap* pembangunan keupayaan jangka panjang ATM yang turut mengintegrasikan elemen *man, machine and method* di mana, pembangunan keupayaan ATM dipertingkatkan secara berterusan dengan perolehan aset dan kelengkapan yang berteknologi tinggi serta turut disepadukan dengan pembangunan modal insan yang berkualiti.

Peratusan komposisi keanggotaan ATM mengikut bangsa pada masa kini ialah Melayu sebanyak 98.27%, Cina sebanyak 0.48% dan India sebanyak 1.24%.